



**Headline** : UOBAM bantu pelabur fahami situasi semasa pasaran saham  
**Media** : *Sinar Harian*  
**Date** : 28 August 2020  
**Page** : Business • Page 33

## UOBAM bantu pelabur fahami situasi semasa pasaran saham

**UOB** Asset Management Malaysia Berhad (UOBAM) telah melancarkan program dalam bentuk video bertajuk “One Minute Insight” dalam usaha membantu para pelabur memahami perkembangan semasa pasaran.

Program secara dalaman yang disiarkan pada setiap minggu itu menyaksikan pakar pelaburan UOBAM Malaysia berkongsi pandangan dengan pelabur korporat dan individu mengenai trend pasaran dan pelaburan terkini dalam format digital dan secara ringkas.

Program selama satu minit itu disampaikan dalam format yang mudah untuk difahami dan tersedia dalam tiga bahasa iaitu Melayu, Inggeris dan Cina.

Episod pertamanya boleh ditonton dengan melayari [www.uobam.com.my](http://www.uobam.com.my).



**SUET LING**

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Lim Suet Ling berkata, pihaknya akan berkongsi pandangan tentang trend global dan menawarkan tip pelaburan kepada pelabur bagi membantu mereka membuat ke-

putusan yang dapat mengoptimumkan portfolio aset mereka di pasaran tempatan, serantau dan global.

“Pasukan profesional pelaburan kami juga akan memberikan perspektif masing-masing mengenai impak coronavirus (Covid-19) dan bagaimana pelabur dapat mengatasi krisis dengan mengambil langkah aktif bagi menguruskan portfolio pelaburan mereka.

“Kami yakin program ini dapat membantu syarikat untuk memanfaatkan kepakaran dan pengalaman pengurusan aset UOBAM yang melebihi 30 tahun,” katanya.